

**KAJIAN KUALITI HIDUP ASNAF DI SELANGOR:
PENGARUH FAKTOR KEBERKESANAN PROSEDUR PERMOHONAN
DAN PENYERAHAN BANTUAN**

Noraini Shamsuddin

Aza Shahnaz Azman

Teh Suhaila Tajuddin

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

noraini.shamsuddin@kuis.edu.my, azashahnaz@kuis.edu.my,

tehsuhaila@kuis.edu.my

ABSTRACT

Sehingga tahun 2015, terdapat pelbagai jenis bantuan yang disalurkan oleh institusi zakat khususnya di Selangor terhadap golongan asnaf. Antara jenis bantuan tersebut ialah bantuan sara hidup, pendidikan, modal perniagaan dan sewaan tempat tinggal. Namun begitu, kemiskinan dalam kalangan asnaf khususnya di bandar masih berada pada tahap yang perlu diperhalusi oleh institusi zakat serta pihak berkuasa. Maka menjadi persoalan adakah bantuan yang telah digerakkan sekian lama ini belum dapat membantu asnaf untuk keluar dari kepompong kemiskinan hidup. Kajian ini dilaksanakan bagi melihat pengaruh keberkesanan prosedur permohonan dan penyerahan bantuan terhadap kualiti hidup asnaf. Kajian ini telah dijalankan di empat daerah di sekitar Selangor merangkumi kawasan Petaling, Semenyih, Kajang dan Ampang. Kawasan tersebut adalah merangkumi kawasan tahap urbanisasi yang tinggi sehingga menjangkau kepada tahap (5.651 juta) penduduk keseluruhan negeri Selangor pada tahun 2013. Kajian ini turut meneliti tentang bantuan agihan zakat iaitu dimensi kepuasan agihan zakat yang mencorakkan lagi kualiti hidup asnaf di bandar. Antara indikator kualiti hidup asnaf yang mempengaruhi ialah keperluan asas seperti makanan dan minuman, pakaian, perumahan, pendidikan, perubatan, pengangkutan dan penyertaan sosial. Hasil kajian mendapati faktor keberkesanan prosedur permohonan (3.68) dan penyerahan bantuan (3.78) mempengaruhi tahap purata kepuasan asnaf terhadap agihan dan seterusnya mempengaruhi kualiti hidup asnaf secara signifikan.

Kata kunci: *Asnaf bandar, agihan zakat, kualiti hidup asnaf, kesediaan bandar*

1. Pengenalan

Zakat telah diiktiraf sebahagian daripada nadi perekonomian Islam, di mana ia adalah daripada sumber-sumber perolehan yang dipertanggungjawab dalam melaksanakan perintah Allah. Tujuan utama zakat adalah menjurus kepada pembangunan ummah.

Secara teorinya, zakat ini dilaksanakan oleh golongan yang kaya untuk membantu golongan miskin melalui agihan yang optimum oleh pihak yang menguruskannya. Zakat yang produktif mampu mengeluarkan golongan asnaf daripada terus dibelenggu oleh kemiskinan, seterusnya menjadikan mereka sebagai penyumbang zakat pula. Maka jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin dapat diminimumkan. Hasil kajian oleh Patmawati (2008), dengan menggunakan indeks *Gini-Coefficient* iaitu indeks pengukuran jurang pendapatan, mendapati, agihan zakat telah menunjukkan penurunan ketidakseimbangan pendapatan di beberapa buah negeri di Malaysia. Kajian ini juga merumuskan bahawa, agihan zakat pendapatan mampu memperbaiki jurang pendapatan dalam kalangan para pengeluar padi di Malaysia.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) di bawah Majlis Agama Islam Negeri berperanan untuk menguruskan kesemua sumber zakat di negeri Selangor. Kutipan dan agihan dilakukan bagi memenuhi tuntutan agama untuk kesejahteraan masyarakat muslim. Sejarah pengurusan membuktikan bahawa dengan perkhidmatan yang cekap, zakat sebagai instrumen semulajadi berupaya membasmi kemiskinan (Farah Aida et al., 2012), (Zarina et al., 2012), dan (Muharman et al., 2012) sekaligus menjamin keseimbangan sosial dalam masyarakat Islam. Banyak kajian telah dilaksanakan untuk melihat keberkesanan pengurusan institusi zakat di Malaysia khususnya di Selangor yang merupakan institusi yang berdaya saing seiring dengan tahap pembangunan negeri. Kajian oleh Maymunah et al. (2011) mendapati bahawa setiap hasil kutipan dan agihan zakat akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara kerana zakat berperanan untuk kemaslahatan ummah.

Selain daripada institusi zakat yang telah dilantik oleh pihak berkuasa, individu yang turut berperanan di dalam proses kutipan dan pengagihan zakat ialah tokoh amil yang diiktiraf oleh masyarakat setempat. Zaman dahulu peranan ini dipegang oleh para imam, bilal serta ustaz-ustaz yang bertindak sebagai amil secara tidak formal di dalam pengurusan dana zakat daripada masyarakat kepada masyarakat setempat yang memerlukan. Kini, walaupun tugas tersebut telah diambilalih oleh institusi zakat, masih terdapat beberapa kawasan pedalaman yang masih menggunakan khidmat para bilal dan imam sebagai amil di kawasan mereka. Justeru dengan pengiktirafan oleh masyarakat setempat terhadap tokoh keagamaan ini, institusi zakat telah mengambil inisiatif dengan melantik para imam dan bilal di kawasan tersebut sebagai amil yang bertauliah. Perlantikan ini adalah salah satu cara bagi memudahkan pengurusan bagi kawasan yang terpencil dan untuk mengelak daripada kebocoran dana zakat yang dikutip.

Berkait dengan isu kebocoran, hasil kajian daripada Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006), mendapati beberapa kelompok masyarakat atau individu yang berpandangan mereka mampu menghulurkan sendiri zakat kepada sanak saudara juga jiran tetangga yang dilihat secara kasar kurang berkemampuan. Namun, tindakan ini dilihat akan mengakibatkan agihan yang tidak telus dan kurang efisien malah tidak adil jika masih terdapat asnaf yang diabaikan di dalam kelompok masyarakat setempat yang benar-benar dikategorikan sebagai golongan asnaf fakir miskin.

Selain isu kebocoran, terdapat beberapa perkara lain yang turut menimbulkan perdebatan dan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap institusi zakat. Masih

terdapat dalam kalangan masyarakat yang tidak yakin dan tidak berpuas hati dengan pengurusan institusi zakat. Contoh yang berkait rapat dengan isu prosedur permohonan ialah proses permohonan yang rumit dan mengambil masa, serta isu kelayakan asnaf (Mohamed Dahan 1998). Asnaf dikehendaki mengisi borang dan melalui beberapa proses tapisan yang rumit. Namun walaupun kini proses permohonan bantuan adalah jauh lebih mudah, masyarakat masih lagi prejudis terhadap institusi zakat berikutan kurangnya maklumat dan kewujudan kes-kes terpencil yang perlu diberi perhatian. Selain itu, maklumat pengagihan yang tidak jelas, isu ketelusan dalam pengagihan, kaedah pengagihan yang kurang berkesan (Muharman et al. 2012 dan Hairunnizam, Sanep dan Radiah, 2010) dan lebih kutipan yang tidak diagihkan turut menjadi isu. Masalah birokrasi dan serakan geografi turut menjadi halangan pengagihan yang cekap (Muhammad Syukri, 2006). Ini kerana terdapat golongan asnaf yang duduk di ceruk kampung dan kawasan pedalaman yang tidak pernah dikunjungi oleh pegawai zakat ataupun wakil-wakil yang telah dilantik seperti ketua kampung ataupun ahli jawatankuasa masjid.


Masyarakat juga melihat isu kemiskinan masih mencatatkan peratusan yang tinggi walaupun agihan wang zakat telah dilaksanakan. Menurut Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006), hal ini boleh menjejaskan peratus kutipan zakat. Malah lebih membimbangkan jika perkara ini berlanjutan, maka terdapat kebocoran agihan wang zakat dan kutipan akan juga akan makin berkurangan kerana pembayar hanya cenderung membayar zakat fitrah sahaja (Muhammad Syukri 2002). Hakikat bahawa zakat memberi kesan ke atas agihan pendapatan yang lebih seimbang sememangnya telah terbukti, namun kelompangan yang masih wujud iaitu jurang agihan pendapatan yang masih lagi mencerminkan kemiskinan menjadikan agihan zakat dilihat kurang memberi impak yang maksimum.

Maka kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji tahap kepuasan asnaf terhadap kualiti bantuan yang diberikan dan seterusnya menilai samaada bantuan tersebut memberi impak yang signifikan terhadap kualiti hidup asnaf. Kajian ini juga hanya memfokuskan kepada asnaf fakir dan miskin. Manakala ciri-ciri kualiti bantuan yang telah dikenalpasti terdiri daripada jumlah bantuan, mutu, kekerapan, prosedur permohonan dan penyerahan bantuan, keberkesanan bantuan dan sikap amil yang dilantik. Namun bagi tujuan kertas kerja ini, hanya dua ciri kualiti bantuan yang akan dibincangkan iaitu prosedur permohonan dan penyerahan bantuan.

2. Kerangka Kajian

Model Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin oleh Hairunnizam dan Sanep (2004) telah diadaptasi untuk kajian ini. Antara faktor yang diadaptasi adalah kepuasan terhadap agihan zakat serta kualiti hidup dengan mengambilkira dimensi-dimensi yang telah diutarakan di dalam kajian tersebut. Dimensi kualiti hidup adalah berdasarkan Burnel et al. (1992), yang meletakkan tujuh (7) dimensi utama di dalam kualiti hidup iaitu makanan dan minuman, pakaian, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan/perubatan, pendidikan, perumahan dan perlindungan dan akhir sekali ialah penyertaan sosial. Manakala dimensi bagi kepuasan terhadap bantuan meliputi jumlah bantuan, mutu/kualiti bantuan, kekerapan/penyerahan bantuan, cara/prosedur permohonan bantuan cara/prosedur penyerahan bantuan, keberkesanan bantuan dan sikap amil. Sebanyak tujuh (7) dimensi yang diambil untuk melihat adakah kepuasan agihan bantuan zakat mempengaruhi kualiti hidup asnaf di Selangor.

Seterusnya kajian ini melihat samaada kepuasan agihan bantuan zakat mempengaruhi kualiti hidup asnaf fakir miskin di Selangor. Kerangka kajian yang telah dibentuk adalah seperti Rajah 1 dibawah.



Rajah 1. Kerangka Kajian

3. Metodologi and Data Pensampelan

Satu set borang kaji selidik telah dibangunkan dan diedarkan kepada asnaf fakir miskin dengan ketetapan kriteria yang berdasarkan kategori asnaf fakir miskin di Selangor. Borang kaji selidik yang telah disediakan terbahagi kepada lima (5) bahagian, iaitu Bahagian A menumpukan kepada maklumat demografi responden seperti jantina, umur status perkahwinan, bilangan tanggungan, anggaran perbelanjaan dan sebagainya. Manakala bahagian B mengenai maklumat bantuan kewangan bulanan yang diterima oleh asnaf tersebut. Seterusnya bahagian C menyentuh mengenai kepuasan terhadap bantuan dan di sinilah pembolehubah eksogenus memainkan peranan yang penting di dalam mempengaruhi kualiti hidup asnaf dan bahagian pembolehubah endogenus adalah di bahagian D iaitu kualiti hidup dan bahagian yang terakhir ialah mengenai perkhidmatan keseluruhan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Seterusnya terdapat lima (5) skala diguna pakai untuk menguji tahap pembolehubah tersebut. Antaranya skala 1 adalah ‘sangat tidak setuju’, 2 ‘tidak setuju’, 3 ‘tidak pasti’, 4 ‘setuju’, dan 5 ‘sangat setuju’.

Unit analisis kajian ini hanya merangkumi asnaf fakir dan miskin sahaja. Kajian ini tidak mengambil kira tujuh (7) kategori asnaf yang lain seperti asnaf gharimin, riqab, fisabilillah, ibnu sabil, mualaf dan amil. Manakala asnaf fakir miskin bandar adalah

tumpuan utama bagi kajian ini. Sampel kajian adalah di sekitar mukim Semenyih, Kajang, Petaling dan Ampang. Sebanyak 200 soal selidik telah diedarkan dan ditemu bual tetapi hanya 196 sahaja yang telah dianalisis. Kaedah persampelan yang digunakan adalah *disproportional-quota sampling* di mana individu asnaf yang dikaji daripada empat (4) buah mukim mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden (Tabachnick et al., 2001).

Kesemua faktor dianalisis menggunakan pengujian inferensial seperti korelasi Pearson serta Regresi Logistik. Penggunaan kaedah ini adalah untuk melihat kesan pengaruh bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf di Selangor.

Bagi dimensi prosedur permohonan dan penyerahan bantuan, antara item-item yang diuji adalah seperti berikut:

Jadual 1. Item-item yang digunakan

Prosedur Permohonan	Prosedur Penyerahan
1. Prosedur permohonan yang mudah	1. Bantuan diserahkan tepat pada masa yang dijanjikan
2. Tempoh pemprosesan yang cepat	2. Tiada karenah birokrasi
3. Proses yang telus dan adil	3. Jumlah bantuan yang diterima sama dengan yang diluluskan
4. Tidak memerlukan borang sokongan yang menyulitkan	4. Tiada masalah dalam proses pengambilan
5. Bebas dari campurtangan pihak luar, e.g: politik	5. Prosedur mudah dan tepat

4. Dapatan Kajian

Hasil daripada analisis purata, secara keseluruhannya golongan asnaf didapati berpuas hati dengan prosedur permohonan (3.68) dan penyerahan bantuan zakat (3.78). Kesemua ketujuh-tujuh dimensi menunjukkan tahap kepuasan yang memuaskan dengan merekodkan nilai purata melebihi 3.00. Manakala purata keseluruhan adalah sebanyak (3.71). Faktor proses permohonan yang lebih mudah dan kurangnya birokrasi yang telah diusahakan oleh LZS memainkan peranan terhadap tahap kepuasan yang memuaskan ini. Penggunaan borang permohonan yang lebih mudah, proses yang telus tanpa proses birokrasi yang memenatkan dilihat sebagai faktor utama proses permohonan dan penyerahan bantuan memuaskan hati asnaf.

Seterusnya analisis korelasi digunakan untuk mengenalpasti hubungan di antara pembolehubah bersandar terhadap pembolehubah bebas. Korelasi Pearson digunapakai untuk menguji kekuatan data yang ditaburkan secara normal. Kekuatan di antara dua pembolehubah tersebut boleh dilihat berpandukan hubungan di antara dua pembolehubah serta garisan linear data tersebut. Penentuan kekuatan hubungan juga ditentukan oleh tahap signifikan di antara dua pembolehubah tersebut. Signifikan dilihat samaada melalui aras

keertian 0.01 atau 0.05 dengan 2 hujung. Hipotesis umum dibangunkan untuk menguji kekuatan hubungan di antara dua pembolehubah iaitu;

H1: Terdapat hubungan di antara kepuasan agihan zakat dan kualiti hidup asnaf

Jadual 2. Hubungan Korelasi

Kepuasan Agihan Zakat	Kualiti Hidup Asnaf
Jumlah Bantuan	.525** .000
Mutu Kualiti Bantuan	.321** .000
Kekerapan Penyerahan Bantuan	.376** .000
Prosedur Permohonan Bantuan	.303** .000
Prosedur Penyerahan Bantuan	.316** .000
Keberkesanan Bantuan	.467** .000
Sikap Amil Tempatan	.288** .000

Hasil analisis korelasi menunjukkan kesemua dimensi kepuasan agihan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kualiti hidup asnaf. Ini menunjukkan agihan zakat mampu memberi impak kepada kualiti hidup asnaf yang lebih baik. Namun begitu dimensi prosedur permohonan dan penyerahan bantuan menunjukkan kekuatan hubungan yang sederhana iaitu pada kadar 30.3 peratus dan 31.6 peratus. Namun hasil ujian korelasi ini tetap boleh digunapakai kerana wujudnya hubungan yang signifikan antara kedua-dua dimensi dengan kualiti hidup asnaf.

Analisis Regresi Logistik

Seterusnya analisis regresi logistik dengan model Logit digunakan untuk menguji tahap keberkesanan faktor-faktor terhadap kualiti hidup asnaf. Keputusan analisis kajian (Jadual 3) mencatatkan kadar kepuasan kualiti hidup yang dipengaruhi oleh faktor-faktor penyumbang adalah rendah iaitu sebanyak 30.7 peratus. Keputusan kajian juga menunjukkan kelima-lima faktor penyumbang terhadap kualiti hidup asnaf fakir miskin adalah signifikan pada aras keyakinan ($p < 0.05$).

Selanjutnya, keputusan kajian menunjukkan nilai regresi untuk kelima-lima faktor penyumbang adalah bersifat negatif. Nilai regresi negatif pada dimensi prosedur permohonan bantuan menggambarkan bahawa persepsi asnaf terhadap kualiti perkhidmatan yang dimainkan oleh institusi zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor mampu mengubah pandangan mereka terhadap kualiti hidup mereka sendiri. Ia juga menunjukkan masih terdapat ruang yang perlu diperbaiki dari sudut prosedur permohonan agar dapat mencapai tahap yang lebih cekap dan berkesan. Walaubagaimanapun, prosedur

permohonan bantuan turut mempengaruhi kualiti hidup asnaf secara signifikan pada aras keyakinan lima peratus ($p < 0.05$).

Jadual 3. Keputusan Model Logit Kualiti Hidup dengan Faktor-faktor Penyumbang kepada Kualiti Hidup

	B	S. E	df	Sig	Exp(B)
Constant	1.353	0.371	1	0.000	3.868
Jumlah Bantuan	-1.433	0.336	1	0.000	0.238
Keberkesanan Bantuan	-1.015	0.400	1	0.011	0.362
Kekerapan Penyerahan Bantuan	-0.796	0.401	1	0.047	0.451
Prosedur Permohonan Bantuan	-0.941	0.414	1	0.023	0.390
Sikap Amil Tempatan	-0.736	0.377	1	0.050	0.479

Nagelkerke R Square = 0.307

(Sumber: Kerja Lapangan, 2015).

5. Kesimpulan

Rumusan hasil kajian mendapati secara puratanya asnaf berpuas hati dengan prosedur permohonan dan prosedur penyerahan bantuan. Ujian korelasi pula menunjukkan kedua-dua faktor mempunyai hubungan dengan kualiti hidup asnaf secara signifikan. Manakala hasil analisis regresi logistik membuktikan faktor prosedur permohonan bantuan yang mudah, cepat dan telus mempengaruhi kualiti hidup asnaf secara signifikan.

Namun begitu hasil keputusan kajian yang negatif menunjukkan masih terdapat banyak ruang yang boleh diperbaiki dalam memastikan agihan bantuan zakat benar-benar dapat mempengaruhi kualiti hidup asnaf ke arah yang lebih positif. Seperti yang telah ditakrifkan, untuk kebolehcapaian kualiti hidup, ia merujuk kepada komponen kualiti hidup yang bersifat multidimensi iaitu yang dirasakan sendiri oleh asnaf fakir miskin. Dengan adanya bantuan zakat, kebolehcapaian terhadap komponen makanan dan minuman, pakaian, pengangkutan dan perhubungan, pendidikan, perubatan, perumahan dan perlindungan serta penyertaan sosial adalah antara yang perlu dinilai untuk melihat kesejahteraan mereka terhadap kemudahan yang disediakan.

Kesediaan capaian terhadap persekitaran yang dibangunkan oleh kerajaan tempatan di kawasan bandar dan luar bandar mempunyai tafsiran yang berbeza. Secara umumnya, perbandingan terhadap kesediaan kemudahan di bandar lebih terancang berbanding kemudahan di luar bandar. Ini kerana perspektif bandar yang mempunyai tahap kependudukan yang tinggi mampu diimbangi dengan ketersediaan kemudahan untuk capaian kualiti hidup. Tetapi perlu diingat bahawa tidak semua capaian kemudahan di bandar memberi makna kualiti kehidupan yang lebih baik berbanding capaian kemudahan kepada kualiti kehidupan di luar bandar.

Tekanan taraf hidup yang lebih tinggi seperti harga rumah, makanan dan kos pengangkutan yang kebiasaannya lebih tinggi menyukarkan golongan asnaf fakir dan miskin merancang hidup yang lebih selesa dengan jumlah bantuan yang sama diperolehi asnaf fakir dan miskin di luar bandar. Institusi zakat telah pun mengambil langkah proaktif dalam memastikan pengagihan bentuk bantuan yang lebih konstruktif seperti latihan dan bimbingan serta modal perniagaan. Bantuan jenis ini dilihat dapat memberikan impak yang

lebih signifikan kepada kualiti hidup asnaf walaupun kesannya hanya boleh dibuktikan dalam masa yang agak lama. Bantuan ini juga dilihat memerlukan kegigihan, ketekunan dan semangat yang konsisten di pihak asnaf itu sendiri. Maka adalah menjadi tanggungjawab institusi zakat untuk melaksanakan pemantauan dan bimbingan yang berterusan bagi memastikan program ini berjaya. Kerjasama dari pihak pemain industri juga penting memandangkan mereka adalah orang yang lebih ahli dalam bidang tersebut dan diyakini dapat memberi bimbingan yang lebih mapan.

Rujukan

- Burnell, J. D. & Galster, G. (1992). Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note. *Urban Studies*, 29: 727-735.
- Farah Aida Ahmad Nazri, Rashidah Abd Rahman, & Normah Omar. (2012). Zakat and Poverty Alleviation: Roles of zakat Institutions in Malaysia. *International Journal of Arts and Commerce*, 1(7).
- Hairunnizam. W., Ahmad, Sanep & Mohd. Noor, M. A. (2004). Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia, 1-9.
- Hairunnizam W., Sanep A. & Radiah A. R. (2010). Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 4(1): 141-170.
- Kualiti Hidup Malaysia* (1999). Unit Perancangan Ekonom, Malaysia.
- Laporan Zakat Selangor* (2013). Lembaga Zakat Selangor.
- Maymunah I, Siti Mariam A. & Maizatul Saadiah M. (2011). Prestasi Zakat dan Agihan Zakat di Negeri Melaka.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. (1998). Zakat Management and Administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of Zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). Lokalisasi Zakat: Satu Kajian Teoritis. Kertas Kerja dibentangkan di Muzakarah Pakar Zakat, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoretis. Dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muharman Lubis et al. (2012). Enhancement of Zakat Distribution Management System: Case Study in Malaysia.
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirik. *Jurnal Syariah*, 16(2): 223-244.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal*.
- Tabachinick, B. G & Fidel, L. S. (2001). Using Multivariate Statistic. Needham Height: Alyn & Bacon.
- Unit Perancang Ekonomi* (2013). Laporan Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2013. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Zarina Kadri et al. (2012). Zakat sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi. Vol. 2: 1263–1273.